



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/6/2019	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kerja baik pulih paip pecah selesai

SEMENYIH – Kerja pembaikan paip pecah berhampiran lampu isyarat jalan utama Taman Paling Jaya di sini siap dilaksanakan semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad berkata, bekalan air dibuka bagi proses pemulihan secara berperingkat.

"Kita mensasarkan bekalan pulih sepenuhnya pada jam 5.50 petang," katanya.

Abdul Raof berkata, pihaknya telah menggerakkan lori tangki air ke kawasan yang terjejas di Taman Desa Mewah dan Bandar Sunway Semenyih.

"Kita telah menggerakkan lori tangki tersebut ke lokasi berkenaan sepanjang tempoh penutupan bekalan dan kerja-kerja pembaikan," katanya.

Kejadian paip pecah itu berlaku kira-kira jam 11.15 malam kelmarin dan penutupan bekalan sementara dilakukan bagi melaksanakan kerja pembaikan.